14 Julai 2021
*14 July 2021*
P.U. (A) 306

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

# PERINTAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (TAMBAHAN DAN UBAH SUAIAN KEPADA MAKSUD PENGELUARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 54(6)) 2021

# *EMPLOYEES PROVIDENT FUND (ADDITION AND MODIFICATION TO THE PURPOSES FOR WITHDRAWAL UNDER SUBSECTION 54(6)) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERINTAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (TAMBAHAN DAN UBAH SUAIAN KEPADA MAKSUD PENGELUARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 54(6)) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 54(7) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Tambahan dan Ubah Suaian kepada Maksud Pengeluaran di bawah Subseksyen 54(6)) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2021.

**Tambahan dan ubah suaian kepada maksud pengeluaran di bawah subseksyen 54(6)**

2. Subseksyen 54(6) Akta ditambah dan diubah suai—

*(a)* dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan *(k)*;

*(b)* dengan menggantikan noktah di hujung perenggan *(l)* dengan perkataan "; dan"; dan

*(c)* dengan memasukkan selepas perenggan *(l)* perenggan yang berikut:

"*(m)* ahli Kumpulan Wang itu memerlukan pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud kelangsungan hidup disebabkan oleh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] untuk mengawal atau mencegah merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).".

Dibuat 12 Julai 2021
[MOF.SBM(R)600-41/39/91; PN(PU2)498/Jld.17]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
*Menteri Kewangan*

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (ADDITION AND MODIFICATION TO THE PURPOSES FOR WITHDRAWAL UNDER SUBSECTION 54(6)) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 54(7) of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Minister, after consulting the Board, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Employees Provident Fund (Addition and Modification to the Purposes for Withdrawal under Subsection 54(6)) Order 2021**.

(2) This Order comes into operation on 15 July 2021.

**Addition and modification to the purposes for withdrawal under subsection 54(6)**

2. Subsection 54(6) of the Act is added and modified—

*(a)* by deleting the word "and" at the end of paragraph *(k)*;

*(b)* by substituting for the full stop at the end of paragraph *(l)* the words "; and"; and

*(c)* by inserting after paragraph *(l)* the following paragraph:

"*(m)* the member of the Fund requires financing to increase his income for the purposes of continuance of life due to the implementation of the National Recovery Plan under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*] to control or prevent the spread of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19).".

Made 12 July 2021
[MOF.SBM(R)600-41/39/91; PN(PU2)498/Jld.17]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
*Minister of Finance*